

## **Alumni dan HEP Universiti Amerika Syarikat**

Wan Ali Wan Mat  
Unit Perhubungan Alumni  
Rumah Alumni, Pejabat Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 UTM Skudai, Johor

### **ABSTRAK**

Pejabat Hal Ehwal Pelajar memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan pelajar, membina siasah pelajar yang bakal dilahirkan melalui aktiviti yang dijalankan dan mengadakan program yang boleh menjanakan pendapatan kepada Universiti melalui Alumninya. Pendapatan yang diperolehi ini adalah merupakan dana yang akan disalurkan sebagai bantuan pelajaran/biasiswa dan juga untuk menjalankan pelbagai penyelidikan ke arah memenuhi teknologi semasa yang berkembang dengan pesatnya. Penyelidikan yang terkini dan terunggul adalah menjadi matlamat penting Universiti yang ingin menuju ke arah Universiti bertaraf dunia. Pembinaan siasah dan kebajikan pelajar tentulah berbeza bagi negara islam dan negara bukan islam. Oleh itu, dalam hal ini, penulis banyak menekankan ke arah mengkaji bagaimana penjana pendapatan dilaksanakan dengan begitu berjaya di Universiti-Universiti Amerika Syarikat sehinggakan dana terkumpul sampai kepada berjuta-juta dolar Amerika. Kebanyakan Universiti di sana hanya mendapatkan peruntukan kerajaan sekitar 40 peratus sahaja daripada jumlah sebenar diperlukan untuk mengendalikan sesebuah Universiti. Bakinya, terpaksa dicari sendiri dengan menggunakan pelbagai cara termasuk sumbangan dari para alumninya.

### **PENGENALAN**


Kerjasama sama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan para alumni memang perlu ke arah melahirkan graduan yang cemerlang. Di sini, penulis ingin membentangkan salah satu sumber penting dalam melahirkan graduan cemerlang tersebut iaitu pembiayaan. Tanpa bantuan kewangan yang cukup, pelajar miskin yang bijak terpaksa melupakan niatnya untuk terus belajar. Tanpa pembiayaan, peralatan untuk tujuan pembelajaran tidak akan lengkap. Tanpa pembiayaan yang cukup, penyelidikan yang bertaraf dunia tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, penulis membentangkan di sini kajian ke atas berapa Universiti terpilih di Amerika Syarikat untuk mengenal pasti pelbagai kaedah atau program yang telah dilaksanakan di sana sehingga berjaya menarik minat para alumninya menyumbang balik ke alma maternya sehingga ke jutaan dolar Amerika.

Terdapat lebih 1500 laman web (*website*) Universiti-Universiti di Amerika Syarikat. Kesuntukan waktu menyebabkan penulis hanya sempat melawat 16 laman web iaitu

Kepuasan hati ahli yang lama akan menarik lebih ramai lagi ahli baru untuk menyertainya.

## FUNGSI PERSATUAN ALUMNI AMERIKA SYARIKAT

Dalam Rajah 1 dilakarkan fungsi Persatuan Alumni di Amerika Syarikat secara lazimnya. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, kajian dibuat adalah pada laman web dan program penjanaan pendapatan sahaja kerana kedua-dua ini mempunyai kaitan rapat dan sesuai dijadikan panduan.



**Rajah 1: Tugas Persatuan Alumni**

## LAMAN WEB ALUMNI

Kebanyakan laman web di sana mempunyai ciri-ciri berikut:

- Disambung terus dari laman web Universiti masing-masing
- Kebanyakannya lengkap dan mudah digunakan
- Kalendar program/aktiviti Alumni untuk seluruh 2005/2006 telah siap
- Menyediakan direktori Alumni (Untuk ahli sahaja)
- Terdapat Sejarah Universiti dan Alumninya

## SEBAHAGIAN STRATEGI UNIVERSITI

Penubuhan Kelab Penderma bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada penderma yang hebat. Antaranya ialah;

<b>Bil</b>	<b>Nama Kesatuan</b>	<b>Jumlah Derma USD</b>
1	Presidents Club	10 000 – 24 999
2	Beaumont Tower Society	25 000 – 49 999
3	John A. Hannah Society	50 000 – 99 999
4	Jonathan L. Snyder Society	100 000 – 249 999
5	Theophilus C. Abbot Society	250 000 – 499 999
6	Robert S. Shaw Society	500 000 – 999 999
7	Frank S. Kedzie Society	1M – 4 999 999M
8	Joseph R. Williams Society	5M – 7.5M
9	William J. Beal Society	10M


Jadual 1. Kesatuan Penderma Michigan State University

<b>Bil</b>	<b>Nama Kesatuan</b>	<b>Jumlah Derma USD</b>
1	Centennial Club	20 setahun
2	Demon Club	50 setahun
3	Century Club	100 setahun
4	Purple Club	250 setahun
5	1884 Club	500 setahun
6	Columns Club	1 000 setahun
7	University Club	2 500 setahun

Jadual 2. Kesatuan Penderma Northwestern University

<b>Bil</b>	<b>Nama Kesatuan</b>	<b>Jumlah Derma USD</b>
1	Millenium Club	1 000 – 2 499
2	President's Circle	2 500 – 3 499
3	Bronze Circle	3 500 – 7 499
4	Silver Circle \$ 7,500 - \$14,999	7 500 – 14 999
5	Gold Circle \$15,000 - \$24,999	15 000 – 24 999
6	Diamond Circle	25 000 – 49 999
7	Platinum Circle	More than 50 000

Jadual 3. Kesatuan Penderma Chicago State University



**Rajah 3**

Pennsylvania State University telah empat tahun berturut menjuarai peratusan penyumbang terbanyak, mempunyai laman web khas untuk menderma dan meningkatkan peratusan pendermannya dalam cabaran GOLD.

Dakota University pula menjalankan program Brick yang diukir nama penderma dan disertai pesanan ringkas. Brick ini berukuran 4"x 8" berharga USD 150 sekeping dan dibena seperti dinding ditengah-tengah kampusnya. California State University-LA pula menggajikan 20 pelajar khas untuk menghubungi para alumni utk dapatkan derma secara tahunan.

### **YURAN & KELEBIHAN MENJADI AHLI PERSATUAN**

Setiap ahli persatuan dikenakan yuran tertentu. Contohnya University California-Berkeley mengenakan yuran sebagai berikut:

1. Yuran Warga Emas - \$35 (umur > 65 tahun)tahunan
  - Ahli biasa - \$50 setahun
  - Baru Graduat - \$25 setahun (kurang 3 tahun)
  -
2. Yuran seumur hidup
  - Biasa - \$475
  - Baru Graduat - \$375 (kurang 3 tahun)
  - Warga Emas - \$275 (umur > 65 tahun)

di bangunan baru di Universiti sebagai galakan. Perbanyakkan aktiviti walau pun dihadiri oleh sebilangan kecil alumni sahaja. Contohnya Alumni Universiti Buffalo menjalankan 70 acara yang dihadiri oleh 1800 orang alumni iaitu purata hanya 26 orang/acara sahaja.

## **RUJUKAN**

### **Laman web:**

<http://www.psz.utm.my>,

ØPilih: Other links

ØPilih : Educational Institutional

ØPilih : UNITED STATE OF AMERIKA

ØTerdapat lebih 1500 Universiti diseluruh Amerika Syarikat.

### **Universiti yang dirujuk:**

#### **5 Universiti yg termasuk sepuluh terbaik di Amerika Syarikat:**

Harvard [1], Stanford [2], California-Berkeley [3], Princeton [4], Chicago [5]

#### **5 Universiti yang menyertai "Gold Alumni Giving":**

Pennsylvania State [6], Illinois [7], Northwestern [8], Iowa [9], Michigan State [10]

#### **6 Universiti lain secara rawak:**

Dakota State [11], Buffalo [12], California State [13], Virginia State [14], Northern Illinois [15], Northern Michigan [16]